

UCAPAN

YB DATUK ROSNAH BINTI HJ ABDUL RASHID SHIRLIN

TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

DI MAJLIS PERASMIAN

**“PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR): LATIHAN
PRAKTIKAL KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH BANGUNAN
KAFA KG. MUHIBBAH BARU, BEAUFORT, SABAH**

DI BANGUNAN KAFA KG MUHIBBAH BARU

BEAUFORT SABAH

PADA 29 OKTOBER 2016.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa..

Awal Bicara ingin saya panjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya kita semua dapat berkumpul di sini pada pagi ini untuk majlis Program Khidmat Masyarakat: Latihan Praktikal Kerja-Kerja Baikpulih Bangunan Kelas Agama Fardhu Ain Kg Muhibbah Baru, Klias, Beaufort anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dengan kerjasama Akademi Binaan Malaysia Cawangan Sabah (ABM).

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun di atas kesudian menerima jemputan daripada kami untuk merasmikan Program Khidmat Masyarakat (CSR): Latihan Praktikal Kerja-Kerja Membaikpulih Bangunan KAFA Kg. Muhibbah Baru, Beaufort, Sabah.

Alhamdulillah, dengan berkat usaha dan kesungguhan oleh pihak penganjur dan para peserta kursus (calon ujian akreditasi), program latihan ini telah berjaya dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada BPKU, ABM, Pejabat Parlimen Beaufort, JKK Kg Muhibbah Baru, serta semua pihak yang turut terlibat terutama urusetia program pada hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kita baru saja menyambut Awal Muharram 1438 Hijrah. Tema Maal Hijrah kali ini ialah Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah. Sambutan yang kita raikan pada setiap tahun bagi mengingati serta menghayati perjuangan Baginda Rasulullah SAW dan para sahabat dalam peristiwa perpindahan dari Makkah ke Madinah.

Secara amnya, hijrah membawa maksud berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Pada masa yang sama, peristiwa hijrah Baginda Rasulullah SAW itu sebenarnya memberi banyak pengajaran dan iktibar kepada kita semua.

3 komponen asas hijrah adalah Aamanu (Iman), Haajaru (Hijrah) dan Jaahadu (Usaha). Apa yang penting untuk kita laksanakan Hijrah itu adalah bermulanya dengan Iman dan tanpa usaha pula, tidak mungkin akan berlakunya hijrah tersebut. Pengajaran yang boleh kita ambil dari peristiwa hijrah Baginda Rasulullah SAW itu ialah berubah atau beranjak dari keadaan yang baik kepada keadaan yang lebih baik, sekaligus meningkatkan kualiti dan kuantiti amal dalam semua aspek kehidupan. Perubahan dan anjakan begini adalah sangat-sangat dituntut dalam Islam kerana, pertama ia mempunyai agenda yang baik, dan kedua, ada matlamat yang lebih baik. Walau bagaimanapun, hijrah hanya akan sempurna

dengan adanya usaha sepertimana yang ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW.

Pada tahun 2016, dalam usaha untuk memperkasakan kontraktor KKR telah memperuntukkan sebanyak RM40 juta bagi kerja-kerja undi kontraktor kelas F bagi tujuan penyelenggaraan jalan Persekutuan. Di Negeri Sabah sahaja sebanyak RM5 juta diperuntukkan untuk tujuan ini. Selain dari itu, Kerajaan Persekutuan juga telah pun memberikan komitmen untuk merealisasikan Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah yang akan memberi impak kepada seluruh negeri Sabah dan rakyatnya.

Pada masa ini, Kontraktor bertaraf Bumiputera (G1 – G7) yang berdaftar dengan BPKU Sabah adalah seramai 2,634 manakala Kontraktor bertaraf Bumiputera (G1 – G7) yang berdaftar dalam daerah Beaufort adalah seramai 153 kontraktor.

Disamping itu juga, sebanyak 8 program telah dilaksanakan di Negeri Sabah yang bertujuan memastikan kontraktor Bumiputera sentiasa berkemahiran dan mempunyai pengetahuan yang meluas dalam industri pembinaan.

Diantaranya:

BIL.	NAMA KURSUS/ PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1	Kursus Asas Pemahaman Taraf Bumiputera	Dewan Maktab Koperasi Malaysia, Kota Kinabalu	17/2/2016	50
2	Kursus Pengukuhan Jatidiri Kontraktor Bumiputera	Dewan Maktab Koperasi Malaysia, Kota Kinabalu	8/3/2016	50
3	Kursus Project Cost Estimating and SMM2 Quantity Measurement For Contractors	Dewan Persidangan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Tawau	20-21/4/2016	50
4	Kursus Pemantapan Kendiri Usahawan Binaan	Dewan Maktab Koperasi Malaysia, Kota	24/5/2016	50

BIL.	NAMA KURSUS/ PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PESERTA
	Bumiputera Negeri Sabah	Kinabalu		
5	Kursus Teaching The Caterpillar to Fly; Enhancing Women Leadership in Construction Business with 10q	TH Hotel Kota Kinabalu	22-24/07/2016	45
6	Kursus Asas Pengurusan dan Pentadbiran Kontrak	Dewan Maktab Koperasi Malaysia, Kota Kinabalu	24-25/8/2016	40
7	Kursus Bangunan Peraturan dan Undang-Undang Ubahsuai (B28)	Dewan Maktab Koperasi Malaysia, Kota Kinabalu	28-29/9/2016	40
8	Program Khidmat Masyarakat (CSR) : Latihan Praktikal Kerja2 Membaikpulih Bangunan Kafa Beaufort Sabah	Kg. Muhibbah Baru, Beaufort, Sabah	29/10/2016	125
JUMLAH PESERTA				450

Bagi kawasan Beaufort terdapat 1 Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi (KBBT) iaitu B.H.O Sdn. Bhd - G7 yang terpilih sebagai kontraktor bumiputera KBBT bagi tahun 2015.

Sehubungan dengan itu, BPKU mengambil pendekatan yang serupa dengan mengadakan Program Khidmat Masyarakat (CSR) ini, di mana BPKU mengajak kontraktor-kontraktor untuk turut sama, turut serta dalam program kemasyarakatan bagi melahirkan kumpulan usahawan pemurah. Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap tahun ada Tokoh Maal Hijrah yang terpilih. Mungkin selepas ini kerajaan akan memperkenalkan pula Tokoh Usahawan Binaan Da'ie yang akan dipilih dari kalangan

kontraktor dan usahawan Bumiputera yang pemurah serta aktif dalam kegiatan aktiviti kemasyarakatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

BPKU sendiri telah berhijrah, sudah beranjak ke tahap perkhidmatan yang lebih baik. Sejak awal tahun ini, BPKU telah mengambil langkah-langkah pembaikan berbentuk 'business process reengineering' di mana pengeluaran Sijil Taraf Bumiputera (STB) telah dipermudahkan dan dipercepatkan dari 30 hari kepada 14 hari untuk permohonan daftar baru, dan dari 14 hari kepada 7 hari untuk permohonan pembaharuan. Kursus juga tidak diwajibkan sebagai syarat pembaharuan Sijil Taraf Bumiputera. Ini adalah untuk membantu mengurangkan kos pentadbiran Kontraktor.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya juga suka mengambil kesempatan di sini untuk menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2009. Inisiatif ini adalah bertujuan menerapkan pemikiran di luar kelaziman bagi melaksanakan projek, program serta isu-isu ekonomi. NBOS sebenarnya merupakan langkah bersepadu kerajaan dalam merangka dasar dan inisiatif melalui perkongsian pintar antara kementerian dan agensi. Strategi begini adalah pelengkap kepada Dasar Transformasi Nasional. Kesemuanya ini bertujuan memberi manfaat kepada ramai, sekaligus meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Untuk huraian mudah dan senang difahami, NBOS adalah merupakan perancangan pelaksanaan program yang berimpak besar dengan menggunakan pengurusan kewangan yang minima dan efisien. Berpandukan prinsip kos rendah berimpak tinggi sebegini, sesuatu program itu perlulah dibuat secara

bersama bagi pelaksanaan yang pantas dan lebih murah kosnya. Di samping menjalankan tanggungjawab sosial korporat, kita tidak lupa terhadap keterangkuman sosial antara berbilang kaum, penyediaan galakan serta sokongan untuk inovasi, bermatlamatkan penyuburan negara cemerlang yang sentiasa prihatin.

Sebagai contoh: kita ambil pelaksanaan Pusat Transformasi Bandar (UTC). UTC kini amat popular di kalangan ramai kerana pelbagai urusan dapat diuruskan dalam satu bangunan yang sama. Penawaran perkhidmatan boleh dilakukan selepas waktu pejabat, malah pada hujung minggu. Bangunan yang kurang digunakan, diubahsuai bagi menempatkan kaunter perkhidmatan samada sektor awam ataupun swasta; seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Imigresen, Pos Malaysia dan sebagainya. Jadi kita nampak di sini wujudnya nilai yang besar dan tinggi pada kos yang rendah kepada kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Secara tidak langsung, Program Khidmat Masyarakat: Latihan Praktikal Kerja-Kerja Baikpulih Bangunan KAFA Kg Muhibbah Baru, Klias ini, menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) bertujuan memaksimumkan impak program terhadap masyarakat setempat. Program CSR yang pada mulanya bertujuan untuk meningkatkan pembangunan kompetensi kontraktor di samping penerapan nilai-nilai murni dalam diri usahawan Bumiputera tempatan. Ia membabitkan penyertaan pelbagai pihak; BPKU, ABM, Pejabat Daerah, Pejabat Parlimen Beaufort, JKKK, Majlis Daerah, Kelas Agama Fardhu Ain, calon-calon ujian akreditasi, dan banyak lagi.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun atas kesudian melapangkan masa bagi menyertai program pada hari ini serta merasmikan program

Khidmat Masyarakat: Latihan Praktikal Kerja-kerja
Membaikpulih Bangunan Kafa, Kg. Muhibbah Baru, Klias,
Beaufort dan tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan
kepada pihak penganjur, dan kepada semua pihak yang telah
turut berusaha menjayakan program khidmat masyarakat di
daerah Beaufort ini.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum*
Warahmatullahi Wabarakatuh.